

Perubahan Iklim, PM Saran Tingkat Pengeluaran Makanan
Mstar Online
1 November, 2012
Oleh RAHIMY RAHIM

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memberi penekanan tambahan terhadap keselamatan makanan dan pertanian kerana ancaman pemanasan global dan perubahan iklim, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata bagi Asia dan Asean, keselamatan makanan dengan peningkatan jumlah penduduk menyebabkan tanah pertanian kini menghampiri tahap kritikal.

"Kita secara kolektif berhadapan dengan ancaman pemanasan global dan perubahan iklim, ancaman kekurangan makanan yang berpunca daripada bencana alam, kemerosotan kualiti tanah dan pelbagai faktor-faktor lain menjadi semua terlalu sebenar," katanya dalam kenyataan pembukaan beliau di mesyuarat Sains Global dan Inovasi Majlis Penasihat (GSIAC) di Parlimen Khamis.

Ia merupakan acara pertama yang dianjurkan di Malaysia oleh Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi dalam kerjasama dengan New York Academy of Sciences.

Perdana Menteri berkata kunci untuk menangani keselamatan makanan mesti melalui meningkatkan pengeluaran melalui inovasi, teknologi yang lebih baik, pengairan yang lebih baik dan kualiti tenaga kerja.

Beliau berkata bahawa Kerajaan juga bimbang tentang meningkatnya kejadian penyakit tidak berjangkit di negara ini.

"Seorang penduduk yang sihat adalah penduduk yang produktif, dan kita perlu penduduk yang sihat untuk mencapai sasaran yang ditetapkan untuk Malaysia menjelang 2020," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/11/1/mstar_berita/20121101113925&sec=mstar_berita